



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511
email: consumerofpenang@gmail.com

Website: (English, BM, Chinese & Tamil)
<https://consumer.org.my>

facebook.com/ConsumerAssociationPenang
twitter.com/consumer_penang
instagram.com/consumer_penang

Kenyataan Akhbar

9 Julai 2026

Pencegahan Denggi Merupakan Tanggungjawab Bersama

Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP) amat bimbang dengan ancaman denggi yang masih berterusan di Pulau Pinang walaupun terdapat penurunan keseluruhan dalam jumlah kes yang telah dilaporkan. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Daniel Gooi Zi Sen, Pulau Pinang merekodkan 60 lokaliti wabak denggi setakat 24 Jun 2026, dengan Daerah Timur Laut mencatatkan bilangan wabak tertinggi, iaitu sebanyak 27 lokaliti. Walaupun jumlah kes denggi telah menurun sebanyak 34%, daripada 946 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lalu kepada 629 kes pada tahun ini, dan jumlah kematian turut berkurangan daripada tiga kepada satu kes, kewujudan wabak aktif di seluruh negeri menunjukkan bahawa denggi masih merupakan ancaman kesihatan awam yang serius dan memerlukan kewaspadaan berterusan.

Sebagai salah satu penyakit bawaan nyamuk yang paling berbahaya di dunia, denggi terus merebak akibat proses pambandaran yang pesat, perubahan iklim, pertambahan populasi, serta tahap kebersihan persekitaran yang kurang memuaskan. Faktor-faktor ini menjadikan usaha pencegahan denggi lebih penting berbanding sebelum ini.

Pencegahan denggi merupakan tanggungjawab bersama dan tidak seharusnya diletakkan sepenuhnya di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan melalui pelaksanaan operasi penyemburan kabus (fogging). Walaupun penyemburan kabus dapat membantu mengurangkan populasi nyamuk dewasa, kaedah ini tidak sebenarnya menghapuskan tempat pembiakan nyamuk. Langkah paling berkesan untuk mencegah denggi adalah dengan menghapuskan takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Tinjauan yang dijalankan oleh Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP) di beberapa lokasi di seluruh Pulau Pinang, khususnya di sepanjang tapak pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) Mutiara Pulau Pinang, mendapati air bertakung di dalam rongga penghadang jalan serta bahan-bahan pembinaan. Keadaan sedemikian menyediakan persekitaran yang ideal untuk pembiakan nyamuk. CAP juga memerhatikan terdapat longkang tersumbat dan kewujudan air bertakung di kawasan awam yang terus menyumbang kepada pembiakan nyamuk.

Satu lagi kebimbangan yang semakin meningkat ialah pertambahan jumlah sisa plastik yang dijana daripada aktiviti pembelian dalam talian dan perkhidmatan penghantaran makanan. Pembalut plastik, cawan, bekas makanan, botol dan pelbagai bahan pembungkusan terpakai yang tidak dilupuskan dengan sempurna boleh menakung air hujan dan seterusnya menjadi tempat pembiakan bagi nyamuk Aedes.

CAP menggesa semua pihak berkuasa yang berkaitan, khususnya pihak berkuasa tempatan supaya mempergiat pemeriksaan dan penguatkuasaan serta mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab mewujudkan tempat pembiakan nyamuk. Pemaju dan kontraktor juga perlu dipertanggungjawabkan untuk memastikan tahap kebersihan yang baik, sistem perparitan yang

berkesan dan pengurusan tapak yang teratur sepanjang tempoh pembinaan bagi mengelakkan takungan air serta pembiakan nyamuk Aedes.

Pencegahan denggi tidak boleh bergantung kepada agensi kerajaan semata-mata. Setiap tempat pembiakan nyamuk yang dimusnahkan merupakan satu langkah ke arah melindungi nyawa. Hanya melalui usaha bersepadu antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pemaju dan orang awam, Pulau Pinang dapat mengurangkan wabak denggi secara ketara serta menjamin kesihatan masyarakatnya.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang